

Malaysia perlu cepat lihat prospek ekonomi atas kemenangan Trump



ABU SUFIAN
ABU BAKAR

KEMENANGAN Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat (AS) sekali lagi, menjangkakan pelbagai implikasi berlaku terhadap ekonomi global, termasuk Malaysia.

Dasar-dasar yang diterapkan Trump pada penggal pertamanya memberi kesan yang pelbagai kepada negara-negara di seluruh dunia dan Malaysia pasti akan berdepan dengan cabaran serta peluang baharu. Oleh itu, prospek ekonomi dalam konteks pemerintahan Trump harus dilihat dari pelbagai sudut termasuk perdagangan, pelaburan asing, sektor komoditi, kadar pertukaran mata wang dan dasar monetari.

PERDAGANGAN & POLISI PERLINDUNGAN PERDAGANGAN

Dasar luar negara Trump yang paling terkenal ialah pendekatan proteksionisnya, terutama dalam hubungan perdagangan dengan negara besar seperti China. Pada penggal pertamanya, memperkenalkan tarif yang lebih tinggi ke atas barang-barang China sebagai usaha untuk mengurangkan defisit perdagangan AS dan melindungi industri domestik negara itu. Ini membawa ketegangan dalam hubungan perdagangan global dan mempengaruhi negara-negara lain, termasuk Malaysia.

Malaysia sebagai negara pengeksporth utama ke China dan AS akan turut terkesan dengan dasar-dasar perlindungan perdagangan digariskan Trump. Sebagai contoh, perang perdagangan AS-China yang bertetus pada 2018 membawa kesan langsung kepada sektor eksport Malaysia. Sumber daripada Bank Negara Malaysia (BNM) menunjukkan eksport Malaysia ke China dan AS mengalami penurunan dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Pada suku pertama 2023, eksport Malaysia ke China berkurangan sebanyak 2.8 peratus berbanding tahun sebelumnya, begitu juga



MALAYSIA perlu memastikan dasar ekonomi yang fleksibel dan adaptif untuk memanfaatkan peluang yang ada atas kemenangan sekali lagi Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat (AS).

eksport ke AS. Ketegangan perdagangan antara dua ekonomi terbesar dunia ini bukan sahaja menjejaskan hubungan dagang tetapi memberi impak negatif kepada negara-negara yang bergantung kepada perdagangan dengan China dan AS, termasuk Malaysia.

Namun, di sebalik keimbangan tersebut, Malaysia berpeluang memanfaatkan dasar Trump dalam memindahkan rantai bekalan. Dasar Trump untuk membawa pulang pengeluaran industri dari China memberi peluang kepada negara-negara Asia Tenggara, termasuk Malaysia, untuk menarik pelaburan dari syarikat multinasional yang ingin mengalihkan pengeluaran mereka ke luar dari China.

Berdasarkan laporan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) pada 2022, Malaysia mencatatkan peningkatan 12.8 peratus dalam pelaburan asing langsung (FDI) di sektor pembuatan, terutamanya dalam industri elektronik dari pembuatan komponen, yang berpindah dari China akibat tarif tinggi dikenakan AS. Oleh itu, Malaysia berpeluang untuk terus menjadi destinasi utama dalam rantai bekalan global, walaupun dengan

ketegangan yang timbul antara AS dan China.

PELABURAN ASING & PENGURANGAN CUKAI KORPORAT

Salah satu dasar yang dikenali semasa pentadbiran Trump ialah pengurangan cukai korporat bagi syarikat-syarikat besar AS. Bagi Malaysia, dasar ini memberi kesan bercampur. Pada satu sisi, pengurangan cukai di AS mungkin memberi insentif kepada syarikat dari negara itu membawa pulang pelaburan dan keuntungan, mengurangkan aliran pelaburan asing ke negara-negara luar, termasuk Malaysia.

Pada masa sama, dasar itu yang lebih mesra perniagaan dan pelaburan yang menyebabkan syarikat multinasional meningkatkan pelaburan di luar AS, terutamanya di negara-negara dengan kos buruh yang lebih rendah, seperti Malaysia.

Menurut data Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) pada 2019, selepas pemotongan cukai itu pada 2018, banyak syarikat AS membawa pulang keuntungan dari luar negara, menyebabkan penurunan aliran pelaburan ke negara-negara membangun. Walaupun begitu, Malaysia masih mampu menarik

pelaburan asing, terutamanya dalam sektor pembuatan dan teknologi sebagai destinasi yang menawarkan kos operasi yang lebih kompetitif berbanding negara maju.

Pada 2022, Malaysia mencatatkan FDI berjumlah RM 72.4 bilion, menunjukkan negara ini masih mempunyai daya tarikan dalam kalangan pelabur asing, walaupun terdapat cabaran dari dasar cukai AS.

HARGA KOMODITI DAN SUMBER ALAM

Polisi ekonomi Trump yang pro-ekonomi memberi kesan langsung kepada pasaran komoditi global, termasuk minyak mentah dan gas asli. Di bawah kepimpinan Trump, AS banyak memperkenalkan pengeluaran tenaga domestik, terutamanya dalam sektor arang batu, minyak dan gas. Dasar ini menyebabkan ketegangan dalam pasaran tenaga global, namun pada masa yang sama, harga minyak mentah cenderung meningkat akibat pengurangan pengeluaran oleh Pertubuhan Negara-Negara Pengeksporth Petroleum dan sekutu (OPEC+) dan pengurangan bekalan dari negara pengeluar utama, termasuk Iran.

Malaysia, sebagai negara pengeluar minyak dan gas utama di Asia Tenggara, mendapat manfaat daripada peningkatan harga minyak yang berlaku semasa pemerintahan Trump.

Laporan Bank Dunia (2023) melaporkan harga minyak mentah Brent meningkat daripada sekitar USD 50 setong pada awal 2020 kepada lebih dari USD 80 setong pada 2023. Kenaikan ini memberi kesan positif kepada pendapatan negara pengeluar minyak seperti Malaysia, yang bergantung pada eksport minyak dan gas untuk menyumbang kepada hasil negara.

Di samping itu, dasar Trump yang memberi penekanan kepada sektor tenaga domestik AS mungkin memberi kesan kepada harga komoditi lain, seperti getah dan minyak sawit, yang merupakan eksport utama Malaysia. Walaupun berlaku ketegangan dalam

perdagangan global, Malaysia terus menikmati permintaan tinggi untuk minyak sawit dan getah, terutamanya dari India dan China.

KADAR PERTUKARAN RINGGIT & DASAR MONETARI AS

Polisi monetari AS yang diterajui Rizab Persekutuan (Fed) berpotensi memberi tekanan terhadap nilai ringgit. Fed menaikkan kadar faedah AS beberapa kali pada 2023, dan ini menggalakkan aliran modal keluar dari negara-negara membangun untuk menuju ke pasaran kewangan AS yang menawarkan pulangan lebih tinggi.

BNM pada tahun lalu melaporkan ringgit mengalami penurunan sebanyak 6.5 peratus berbanding dolar AS, yang sebahagiannya disebabkan ketidakpastian dalam dasar ekonomi AS dan keputusan Fed untuk menaikkan kadar faedah.

Kadar faedah yang tinggi di AS memberi kesan kepada kos pembiayaan di Malaysia, dengan kebarangkalian BNM akan turut menaikkan kadar faedah untuk mengekalkan daya saing mata wang ringgit. Ketidakpastian dalam pasaran kewangan global, yang dipacu polisi ekonomi Trump, mungkin menyebabkan inflasi meningkat dan memberi tekanan kepada perniagaan serta pengguna di negara ini.

Secara keseluruhannya, Malaysia mungkin mendapat manfaat daripada peningkatan harga komoditi, terutamanya minyak mentah dan minyak sawit, serta peluang dalam rantai bekalan global yang berpindah dari China.

Walaupun bagaimanapun, negara berdepan cabaran ketidakpastian dalam perdagangan global, aliran keluar modal ke AS dan kenaikan harga barang import.

Dalam menghadapi prospek ini, Malaysia perlu memastikan dasar ekonomi yang fleksibel dan adaptif untuk memanfaatkan peluang yang ada sambil mengurangkan risiko yang timbul daripada dasar-dasar luar negara Trump.

DR. DR. Abu Sufian Abu Bakar ialah Penerima Kanan Pusat Pengajian Ekonomi, Wang dan Bank, Universiti Utara Malaysia (UUM)